

# PM: BUNUH SAMA

# ISLAM MATI

# SIA<sub>2</sub>

**B**ANDAR PUSAT JENKA  
22 Mac – Datuk Sri Dr.  
Mahathir Mohamad hari ini  
mensifatkan orang-orang Islam  
yang mati kerana berperang  
sesama sendiri sebagai mati yang  
sia-sia sahaja.

Sambil menarik perhatian kepada akibat perang  
dua buah negara Islam, Iran-Iraq yang  
mengakibatkan berpuluh ribu orang terbunuh,  
Perdana Menteri bertanya adakah mereka itu  
boleh dianggap mati syahid?

“Mereka yang mati kerana berperang sesama  
Islam mati sia-sia sahaja,” tegasnya ketika  
berucap di majlis meletakkan batu asas tapak

Institut Teknologi MARA (ITM) cawangan  
Pahang di hadapan kira-kira 10,000 orang  
pencroka di sini sempena lawatan rasmi dua hari  
ke Negeri Pahang.

Perdana Menteri kemudian beralih kepada  
perbuatan golongan dalam negeri ini yang  
bersedia bermati-matian untuk menentang  
kerajaan dan mensifatkan mereka sebagai tidak  
memahami agama Islam itu sendiri.

“Mereka sepatutnya beraśa kecewa kerana  
dalam usaha mendapatkan sokongan rakyat, ada  
orang yang terkorban,” jelasnya.  
Sebelum itu beliau membidas golongan tertentu  
yang menyebarkan dakyah bahawa rancangan

tanah FELDA hanya memperhambakan para peneroka seperti sikap orang kulit putih terhadap orang kulit hitam.

Beliau bertanya: "Jika dakwaan mereka benar, mengapakah ramai rakyat ingin menyertai FELDA dan pada masa ini, ada 9,000 buah keluarga sedang menunggu penempatan untuk menyertai rancangan itu."

Perdana Menteri berkata, walaupun rancangan FELDA terbukti dapat meninggikan taraf hidup rakyat, tetapi golongan itu tetap enggan mengakui hakikat itu seperti juga terhadap usaha-usaha pembangunan lain yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Beliau berkata tujuan kerajaan mengadakan rancangan FELDA dan rancangan-rancangan pembangunan yang lain adalah bagi meninggikan maruah bangsa dan negara.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyesali sikap golongan itu yang menurutnya langsung tidak mempedulikan usaha menaikkan maruah orang Melayu pada pandangan kaum yang lain dan maruah negara pada pandangan dunia.

"Kerajaan tidak akan berhenti daripada berfikir dan berusaha memajukan rakyat kerana kita tidak akan dapat menaikkan maruah bangsa dan negara jika tidak ada kemajuan," katanya.

Beliau kesal kerana golongan itu sebaliknya lebih suka memecahbelahkan perpaduan rakyat

khususnya orang Melayu dengan perbuatan mengkafirkan orang Islam. Datuk Sri Dr. Mahathir berharap para peneroka menerima hakikat bahawa taraf hidup mereka kini lebih baik dan oleh itu mereka hendaklah bersyukur dan memelihara perpaduan di kalangan mereka dan menyokong usaha pembangunan kerajaan.

Mengenai kampus ITM cawangan Pahang, di Bandar Pusat Jengka ini, beliau menggesa para peneroka merebut peluang pelajaran tinggi yang disediakan bagi anak-anak peneroka agar anak mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih baik daripada mereka sendiri.

Menteri Besar Datuk Haji Mohd. Najib pula secara terbuka berikrar bahawa kerajaan negeri dan seluruh rakyat Pahang berdiri teguh di belakang Perdana Menteri dalam usaha kerajaan melaksanakan pelbagai rancangan pembangunan demi kepentingan rakyat. Petang ini Perdana Menteri dan rombongan melawat dan melancarkan program kampung tersusun dan bengkel kraftangan Kampung Pasir Durian di Jerantut.